

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

UMNO P. Buntar minta ditambah pemimpin Perak di Pusat

IPOH, Khamis — Perlantikan Encik Idris Abdul Rauf sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini juga menarik perhatian lawannya dalam UMNO Bahagian Parit Buntar.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Simpang Lima, Encik Ismail Abdul Rauf, yang terlibat dengan krisis Bahagian itu, hari ini mengalu-alukan perlantikan Encik Idris yang pada suatu ketika pernah mengugut kedudukannya (Encik Ismail) selaku Ketua Bahagian.

"Saya turut gembira dan perlantikan Encik Idris adalah wajar," tambah Encik Ismail yang sekarang Naib Ketua UMNO Bahagian.

Akibat krisis antara Encik Ismail dengan Encik Idris dalam mesyuarat agung perwakilan Bahagian yang baru lalu, Bahagian itu kini masih digantung dan ditadbir oleh sebuah jawatankuasa dikefual-

oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh.

Sementara itu, mengulas rombakan Kabinet oleh Perdana Menteri baru itu, Encik Ismail sambil berpendapat, hanya dengan dua Timbalan Menteri ia masih belum boleh dianggap telah melambatkan kemajuan Perak.

"Kita mahukan sekurang-kurangnya dua Menteri, dua Timbalan Menteri dan dua Setiausaha Parlimen barulah secocok dengan kekuatan UMNO Perak diambil kira dari jumlah banyak ahli Cawangan dan Bahagian," katanya.

Adalah difahamkan pada masa ini terdapat lebih 100,000 ahli UMNO, 900 Cawangan, dan 21 Bahagian di Perak.

Encik Ismail yang bertanding sebagai Wakil Rakyat sejak tiga penggal lalu berpendapat, Duta Besar Malaysia, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa yang dipanggil semula pulang sudah boleh dinaikkan pangkat menjadi Menteri penuh